

**LAI KING LUNG lwn. PERBADANAN PENGURUSAN ANJUNG
HIJAU (PPAH) & SATU LAGI**

A

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
AZIMAH OMAR H

[NO KES: S-22NCvC-242-2010]

21 JULAI 2020

B

PROSEDUR SIVIL: Ganti rugi – Taksiran ganti rugi – Tuntutan berganda – Jumlah dituntut dalam taksiran ganti rugi apabila tuntutan dalam bil kos gagal – Sama ada fakta disembunyikan untuk mengelirukan Penolong Kanan Pendaftar – Sama ada luar aturan – Sama ada penyalahgunaan proses mahkamah – Sama ada jumlah dituntut wajar dibetulkan

C

Plaintif berjaya dalam satu tuntutan terhadap defendan-defendant untuk ganti rugi atas dakwaan pencerobohan atas unit pangsurinya dan kerosakan harta. Berikutan itu, plaintif memfailkan bil kos menuntut kos ‘getting up’ yang keseluruhannya berjumlah RM570,000 sebagai fi guaman. Penolong Kanan Pendaftar (‘PKP’), semasa mentaksir bil kos tersebut, mencukaikan sejumlah RM185,000 dan dengan itu, membenarkan fi guaman sejumlah RM385,000 dibayar kepada plaintif. Walau bagaimanapun, selepas kajian semula, diputuskan bahawa jumlah fi guaman yang perlu dibayar oleh defendant pertama kepada plaintif ialah RM193,000. Selepas itu, plaintif memfailkan permohonan taksiran ganti rugi dan pada 25 November 2011, PKP mentaksirkan kerugian plaintif sebanyak RM645,566. Pada bulan Mei 2016, defendant pertama memfailkan tindakan guaman (‘Guaman 318’) terhadap plaintif dan tiga orang lagi untuk membatalkan perintah-perintah mahkamah bertarikh 19 Oktober 2011 dan 25 November 2011 atas dakwaan perintah-perintah tersebut diperoleh secara penipuan. Walau bagaimanapun, Guaman 318 dibatalkan bawah A. 18 k. 19 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Rayuan terhadap keputusan itu ke Mahkamah Rayuan ditolak dan permohonan kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan oleh defendant pertama juga ditolak. Melalui permohonan ini (‘kandungan 61’), defendant pertama merayu terhadap keputusan Timbalan Pendaftar menolak permohonannya (Lampiran 1), antara lain, untuk meminda perintah bertarikh 25 November 2011 dengan mengurangkan jumlah yang diberi daripada RM645,566 menjadi RM75,566 dan untuk mengarahkan plaintif mengembalikan jumlah RM395,637.82 kepada defendant pertama. Sebelum kandungan 61 didengar, defendant telah memfailkan notis permohonan (‘kandungan 57’), antara lain, agar keputusan dan perintah Lembaga Tatatertib Majlis Peguam (‘LT’) berhubung prosiding tatatertib terhadap plaintif berkaitan tindakan ini dikemukakan sebagai keterangan baharu semasa pendengaran kandungan 61. Plaintiff, dalam prosiding LT, telah mengakui membuat tuntutan fi guaman sebanyak dua kali iaitu dalam bil kos dan juga dalam saman untuk mentaksir ganti rugi. Defendant pertama

D

E

F

G

H

I

- A menyatakan, berikutan keterangan baharu bahawa plaintiff telah membuat tuntutan dua kali untuk jumlah RM570,000, plaintiff telah mengelirukan PKP yang mendengar taksiran ganti rugi dengan menyembunyikan fakta bahawa butiran sama telah dituntut dalam bil kos plaintiff.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

- B (1) Penolong Kanan Pendaftar telah memberi perintah bertarikh 25 November 2011 tanpa pengetahuan bahawa jumlah sebanyak RM570,000 yang dituntut plaintiff dalam saman taksiran ganti rugi telah pun dituntut dalam bil kosnya semasa memfaikkan taksiran kos di hadapan PKP, tetapi gagal. Plaintiff, dari awal lagi, mengetahui bahawa dia telah membuat ‘double claim’. Oleh itu, perintah yang diperoleh plaintiff untuk taksiran ganti rugi adalah satu luar aturan iaitu plaintiff telah memperolehinya dengan cara yang tidak jujur dan boleh diketepikan secara *ex debito* ataupun dipinda untuk membetulkan kedudukannya yang sebenar. Permohonan defendant pertama adalah bermerit dan atas kuasa yang ada pada mahkamah, jumlah tersebut hendaklah diperbetulkan setakat yang layak diterima plaintiff. (perenggan 24-28)
- C (2) Keterangan-keterangan baharu yang dimasukkan defendant pertama pada peringkat ini, antara lain, keputusan LT mendapati plaintiff bersalah atas salah laku membuat ‘double claim’ dan pengakuan plaintiff sendiri tentang tuntutan dua kali fi guaman, adalah sangat jelas. Profesjon guaman menghendaki plaintiff bertindak jujur, amanah dan berintegriti. Perbuatan plaintiff adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah kerana plaintiff telah menggunakan prosiding taksiran ganti rugi untuk mendapat jumlah ganti rugi yang banyak dengan menuntut sekali lagi jumlah fi guaman untuk kerja yang sama, dengan penuh pengetahuan bahawa tuntutannya untuk jumlah tersebut gagal semasa taksiran bil kos. Dalam keadaan tersebut, mahkamah perlu menggunakan kuasa yang ada padanya untuk membetulkan jumlah ganti rugi yang sepatutnya berhak diterima plaintiff menurut undang-undang. (perenggan 31, 32 & 34)
- E (3) Isu estoppel dan *res judicata* tidak terpakai dalam kes ini atas alasan, antara lain: (i) perkara berkenaan tuntutan fi guaman sejumlah RM570,000 sebanyak dua kali dan pengakuan plaintiff berkenaan ‘double claim’ tersebut hanya timbul dalam prosiding tatatertib Majlis Peguam; (ii) pengakuan plaintiff bahawa tuntutannya untuk fi guaman sejumlah RM570,000 sekali lagi dalam prosiding taksiran ganti rugi, setelah tuntutannya untuk jumlah sama dan untuk kerja yang sama ditolak semasa taksiran bil kos, adalah luar pengetahuan PKP; (iii) dalam Guaman 318, isu dan pengakuan plaintiff berkaitan ‘double claim’ tidak wujud dan tidak berbangkit dan, oleh itu, isu ‘double claim’ oleh plaintiff

- dan pengakuan plaintif atas ‘double claim’ juga langsung tidak timbul dalam rayuan guaman itu di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. (perenggan 35)
- (4) Oleh itu, terdapat merit dalam rayuan defendan pertama dan rayuan defendan pertama dalam kandungan 61 dibenarkan. Mahkamah memerintahkan, antara lain: (i) perintah PKP bertarikh 25 November 2011 dipinda pada jumlah RM75,566; dan (ii) plaintif diperintahkan memulangkan kepada defendan pertama wang berjumlah RM365,637.82. Namun, pemulangan jumlah tersebut adalah selepas penyelesaian rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang memerintahkan penggantungan sementara pelepasan wang tersebut atas rayuan plaintif terhadap keputusan LT. (perenggan 38 & 39)

A

B

C

Kes-kes yang dirujuk:*Arnold v. National Westminster Bank Plc [1991] 2 AC 93 (dirujuk)**Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Kawal Teliti Sdn Bhd [1995] 3 CLJ 783 SC (dirujuk)**Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid [1980] 1 LNS 92 FC (dirujuk)**Jaginder Singh & Ors v. The Attorney-General [1983] 1 CLJ 69; [1983] CLJ (Rep) 176 FC (dirujuk)**Jasa Keramat Sdn Bhd & Anor v. Monatech (M) Sdn Bhd [1999] 4 CLJ 533 CA (dirujuk)**Lee Tain Tshung v. Hong Leong Finance Bhd [2000] 4 CLJ 15 CA (dirujuk)**Serac Asia Sdn Bhd v. Sepakat Insurance Brokers Sdn Bhd [2012] 9 CLJ 576 CA (dirujuk)*

D

E

*Shamdasani v. King Emperor [1951] 2 KB 611 (dirujuk)**Syarikat Sebatu Sdn Bhd v. Pengarah Jabatan Perhutanan & Anor [2019] 3 CLJ 157 FC (dirujuk)***Perundangan yang dirujuk:**

Legal Profession Act 1976, s. 94(3)

Rules of Court 2012, O. 18 r. 19(1)(a), (b), (c), (d)

*Bagi pihak plaintif - Justin TY Voon; T/n Justin Voon Chooi & Wing**Bagi pihak defendant pertama - CP Mahendran; T/n RR Chelliah Brothers**Dilaporkan oleh S Barathi*

F

G

Azimah Omar H:**Pengenalan**

[1] Kandungan 61 adalah suatu rayuan kepada hakim dalam kamar yang difaiklan oleh defendan pertama terhadap keputusan Timbalan Pendaftar.

H

[2] Melalui notis permohonan (“lamp. 1”) yang difaiklan pada 14 November 2018 defendan pertama telah memohon untuk mendapatkan antara lain perintah-perintah berikut:

I

- A (i) Bahawa kebenaran diberikan kepada defendant pertama untuk melanjutkan dan/atau menambah tempoh masa untuk memfailkan dan menyampaikan notis permohonan ini bersama dengan afidavit sokongan untuk meminda perintah bertarikh 25 November 2011 iaitu dengan mengurangkan jumlah yang dianugerahkan kepada plaintiff daripada RM645,566 kepada RM75,566.
 - B (ii) Setelah kebenaran di perenggan (i) diberikan:
 - (a) Perintah bertarikh 25 November 2011 dipinda dengan mengurangkan jumlah yang diberikan dari RM645,566 kepada RM75,566.
 - C (b) Plaintiff diarah untuk mengembalikan jumlah RM395,637.82 kepada defendant pertama.
- [3] Pada 25 Januari 2019, Timbalan Pendaftar (“TP”) telah menolak permohonan defendant pertama di kandungan 1, justeru rayuan kepada hakim dalam kamar (kandungan 61) ini telah difailkan oleh defendant pertama pada 4 Februari 2019 untuk merayu terhadap keputusan TP tersebut.

Permohonan Defendan Pertama Di Kandungan 57

- [4] Sebelum kandungan 61 didengar dan diselesaikan pada 17 Mei 2019, defendant pertama telah memfailkan satu notis permohonan (kandungan 57) untuk pengemukaan keterangan baharu di mana defendant pertama memohon supaya keputusan dan perintah Lembaga Tatatertib Majlis Peguam bertarikh 14 Februari 2019, Laporan Jawatankuasa Tatatertib (DB) bertarikh 15 Oktober 2018 dan nota prosiding DC berhubung prosiding tatatertib (No. Aduan: DC/16/0842) yang diambil oleh Majlis Peguam terhadap plaintiff berkaitan dengan tindakan ini dikemukakan sebagai keterangan-keterangan baharu semasa pendengaran kandungan 61.
- [5] Pada 27 November 2019, mahkamah ini telah membenarkan kandungan 57 defendant pertama.

Latar Belakang Kes

- [6] Latar belakang kes yang telah membawa kepada defendant pertama memfailkan rayuan ini adalah seperti berikut:
- G (i) Plaintiff dalam kes ini adalah seorang individu bernama Lai King Lung yang merupakan seorang peguam cara dan peguam bela yang beramat di Tetuan Chris Lai, Yap & Partners.
 - H (ii) Plaintiff adalah tuan punya sebuah unit pangsapuri di Anjung Hijau Apartment, Jalan 1/155B, 57000, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.
 - I (iii) Defendant pertama (Pengurusan Anjung Hijau (PPAH)) adalah merupakan perbadanan pengurusan yang ditubuhkan pada tahun 2008 bagi pengurusan Anjung Hijau Apartment.

- (iv) Defendan kedua (Foo Yau Lim) pula adalah seorang individu yang merupakan ahli jawatankuasa defendan pertama. A
- (v) Pada 29 November 2010, defendan pertama melalui pekerja-pekerjaannya dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan (maintenance works) Anjung Hijau Apartment yakni untuk mengecat bahagian dinding luar (exterior walls) unit telah memanjat masuk ke balkoni unit pangaspuri plaintif dan telah memindahkan sebuah kompressor penghawa dingin unit yang terletak di balkoni unit plaintif dari bahagian kiri luar dinding ke bahagian luar balkoni unit tersebut. Seminggu selepas itu, defendan pertama telah memindahkan semula kompressor tersebut ke tempat asalnya. B
- (vi) Atas kerja-kerja yang dijalankan oleh defendan pertama tersebut, plaintif telah mendakwa bahawa telah berlaku pencerobohan (trespass) ke atas unit pangaspuri kepunyaan beliau. Plaintiff juga mendakwa pencerobohan tersebut telah mengakibatkan kerosakan kepada hartanya. Justeru itu, plaintiff telah memfailkan tindakan sivil ini terhadap defendan-defendant dan menuntut ganti rugi antara lain untuk pencerobohan dan kerosakan harta. C
- (vii) **Keputusan Mahkamah Tinggi** D
- Plaintif telah berjaya dalam tuntutannya terhadap defendan-defendant di mana Hakim Mahkamah Tinggi ("HMT") telah memerintahkan seperti berikut:
- (a) suatu deklarasi dikeluarkan bagi mengisyiharkan bahawa defendan pertama telah bertindak *ultra vires*, secara salah dan tidak sah dalam mengarahkan pekerjaannya menceroboh harta tanah defendant pertama pada 29 November 2010, 23 Disember 2010 dan 24 Disember 2011; F
- (b) defendan pertama dikehendaki membayar segala ganti rugi yang timbul dan dialami oleh plaintif yang akan ditaksirkan oleh mahkamah kemudian; G
- (c) plaintif dikehendaki membayar defendan pertama kos tindakan ini dan akan ditaksirkan kemudian;
- (d) plaintif membayar faedah 8% setahun ke atas prayer (b); dan
- (e) dari tarikh saman hingga tarikh penyelesaian. H

(viii) **Keputusan Mahkamah Rayuan**

Defendan pertama yang tidak berpuas hati terhadap keputusan HMT telah merayu terhadap keputusan tersebut di Mahkamah Rayuan. Pada 24 Ogos 2011, Mahkamah Rayuan (W-02NCVC-1119-2011) telah menolak rayuan defendan pertama dengan kos sebanyak RM5,000. I

- A (ix) **Prosiding-prosiding Selepas Keputusan Mahkamah Rayuan**
- (a) *Taksiran Kos*
- B (1) Plaintiff telah memfailkan bil kosnya (kandungan 42) pada 5 Mei 2011. Dalam bil kosnya plaintiff telah menuntut kos “getting up” (perkara 26) bagi butiran-butiran 208, 276, 283, 296, 324, 328 dan 349 yang kesemuanya (keseluruhannya) berjumlah RM570,000 sebagai fi guaman yang ditanggungnya untuk tindakan ini.
- C (2) Taksiran kos telah dijalankan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar (“PKP”). Dalam mentaksirkan bil kos “getting up” plaintiff yang dituntut sebanyak RM570,000 tersebut PKP telah mencukaikan (taxed off) sejumlah RM185,000 daripada RM570,000 tersebut. Oleh itu, PKP telah membenarkan fi guaman sebanyak RM385,000 dibayar kepada plaintiff.
- D (3) Namun, dalam kajian semula bil kos, PKP telah mengurangkan fi guaman bagi “getting up” plaintiff tersebut kepada jumlah RM40,000.
- E (4) Dalam semakan lanjut bil kos (kandungan 47) di hadapan HMT, HMT telah memutuskan bahawa tuntutan kos “getting up” plaintiff dinaikkan daripada RM40,000 kepada RM150,000. HMT telah juga memberikan kos “thrown away” sebanyak RM18,000 dan kos pelbagai sebanyak RM25,000. Oleh itu, HMT dengan itu telah memerintahkan bahawa keseluruhan kos bagi fi guaman yang perlu dibayar oleh defendant pertama kepada plaintiff adalah RM193,000. HMT juga telah memerintahkan bahawa kadar faedah pada 5% setahun dari 29 Disember 2010 hingga penyelesaian penuh adalah dikenakan atas jumlah tersebut.
- F (b) *Taksiran Ganti Rugi*
- G Plaintiff kemudiannya telah memfailkan permohonan untuk penaksiran ganti rugi yang dialaminya atas pencerobohan yang dilakukan oleh defendant pertama. Taksiran ganti rugi telah dijalankan oleh PKP. Pada 25 November 2011, PKP telah mentaksirkan kerugian plaintiff sebanyak RM645,566 dari 29 Disember 2010 hingga penyelesaian penuh dan faedah 8% setahun.
- H (Nota: Pada tarikh taksiran ganti rugi di hadapan PKP 25 November 2011, peguam yang mewakili defendant pertama telah memaklumkan kepada PKP bahawa beliau tidak mempunyai sebarang bantahan atas jumlah tuntutan ganti rugi yang dipohon plaintiff, oleh itu, PKP telah memberikan plaintiff

jumlah penuh sebanyak RM645,566 seperti yang dipohonnya tanpa pendengaran seputarimana yang diperuntukkan di bawah A. 37 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980).

(c) *Prosiding Garnisi*

Bagi menguatkuaskan penghakiman yang telah diperolehnya pada 25 November 2011, plaintiff juga telah memulakan prosiding garnisi dan telah memperoleh wang sebanyak RM73,203.82.

(d) *Perjanjian Penyelesaian*

Pada 16 Januari 2012, plaintiff dan defendant pertama telah memasuki suatu perjanjian penyelesaian. Di dalam perjanjian penyelesaian tersebut pihak-pihak telah bersetuju akan antara lain terma-terma berikut:

WHEREAS

- 1) In view of the Kuala Lumpur High Court order dated 30th March 2011, the Court of Appeal order dated 24th August 2011 and the High Court order dated 25th November 2011 in which PPAH is held to be liable to pay the following cost to LKL ie:
 - a) High Court Suit No: S-22NCVC-242-2010 Order = RM645,566.00 dated 25th November 2011 for all damages to paid to LKL.
 - b) Statutory interest of 8% on RM645,566.00 from = RM53,909.18 29th December 2010 until 13th January 2012.

Total sum payable	RM699,475.18
-------------------	--------------
 - 2) In view of the total sum of RM699,475.18 due and payable by PPAH to LKL as at 13th January 2012 ("total sum due").
 - 3) In consideration of LKL goodwill in withholding execution for the recovery of the total cost of RM699,475.18 immediately against PPAH which was long overdue and payable by PPAH to LKL.
 - ...
 - 6) In view of LKL's goodwill to waive a fixed sum of Ringgit Malaysia Two Hundred Fifty thousand only (RM250,000.00) from the total sum of RM699,477.18 due & payable by PPAH as at 13th January 2012 leaving the agreed settlement sum of Ringgit Malaysia Four Hundred Ninety Nine Thousand Four Hundred Seventy Five & Cent Eighteen only (RM449,475.18) as at 13th January 2012 ("agreed settlement sum").

- A 1. PPAH covenants with LKL that the former shall pay to the letter fifteen (15) monthly installments as follows:
2. All fifteen (15) installments are to be paid in the form of the post-dated cheques to be forwarded to LKL upon execution of this Agreement & PPAH shall ensure that in the event any or all the signatories to the PPAH's cheque payment account has been changed, modified and/or ceased to be the signatory for whatever reason, the PPAH shall forthwith issue all the replacement cheque for the remaining uncleared cheques to LKL within two (2) days of such changes to the PPAH cheque's signatory.
- B
- C Bayaran Kos Guaman Sebanyak RM198,078.50
- D Berdasarkan kepada perjanjian penyelesaian tersebut, defendan pertama telah membayar keseluruhan kos seperti perintah mahkamah kepada plaintif sebanyak RM198,078.50 dalam tiga ansuran pada Disember 2011 dan Januari 2012.
- E Bayaran Ganti Rugi
- F Defendan pertama telah mengeluarkan 15 keping cek tarikh tertunda dikeluarkan oleh defendant pertama kepada plaintif tiga belas (13) keping cek telah berjaya ditunaikan. Namun cek untuk ansuran 14 dan 15 bernilai RM51,475.18 telah ditolak oleh pihak bank. Dengan itu plaintif telah menganggap defendant pertama telah melanggar terma perjanjian penyelesaian dan menyebabkan perjanjian penyelesaian tersebut terbatal.
- G
- H
- I

(e) *Guaman WA-22NCVC-318-05-2016*

Pada bulan Mei 2016, defendant pertama telah memfailkan satu tindakan terhadap plaintif dan tiga orang lagi dalam guaman WA-22NVCV-318-05-2016 (“Guaman 318”) bagi mendapatkan suatu perintah pengisytiharan dan perintah untuk membatalkan perintah-perintah mahkamah bertarikh 19 Oktober 2011 dan 25 November 2011 atas dakwaan bahawa perintah-perintah tersebut telah diperolehi secara fraud.

Namun, Guaman 318 defendant pertama telah dibatalkan menurut A. 18 k. 19(1) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 oleh HMT pada 17 Januari 2017. Defendant pertama yang tidak berpuas hati atas perintah pembatalan tersebut telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Mahkamah Rayuan (W-02(IM)(NCVC)-238-02-2017) telah menolak rayuan defendant pertama pada 24 Oktober 2017.

Permohonan defendant pertama untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan pada 23 Februari 2018.

(f) *Prosiding Lembaga Tertib Majlis Peguam Malaysia Terhadap Plaintiff* A

Defendant pertama telah membuat laporan terhadap plaintiff dan seorang lagi peguam yakni Dato' Yee Fei Churn ("Dato' Yee") yang beramat di Tetuan Davis & Low atas dakwaan-dakwaan salah laku plaintiff dan Dato' Yee antara lain seperti berikut:

1st Issue: Bill of Cost (did the 2nd Respondent object and acted fairly for the best interest of the Complainant) and/or colluded with the 1st Respondent).

– 1st Respondent Misconduct – Conflict of Interest/ orchestrated a scheme to benefit 1st Respondent/ Collusion.

– 2nd Respondent Misconduct – Did not act/represent in the best interest of PPAH/Gross Disregard/Collusion.

2nd Issue: Assessment of Damages (Did 1st and 2nd Respondent colluded with each other?).

1st Respondent Misconduct

Duplicity of claim in the Bill of Costs and in the Application for Assessment of Damages. The legal fees (getting up and etc) had already been taxed in the Bill of Costs, however, repeated the claim (RM590,000) in the Assessment of Damages (Non-compliance of Order 37 r. 1(6) and Order 34 r. 8(1) Rules of Court 2012, "Parties to the action and their solicitors shall give all such information and produce all such documents as the Court may reasonably require for the purposes of enabling the Court to properly deal with the action".

3rd Issue: The Settlement Agreement (did 1st Respondent act with malice).

4th Issue: Issue of RM100,000.00.

5th Issue: Garnishee Proceedings (did 1st Respondent make a false claim).

(penekanan ditambah)

Isu Yang Berbangkit Dalam Rayuan Di Hadapan Mahkamah Ini*Kes Defendant Pertama Dalam Rayuan*

[7] Kemudian daripada perjanjian penyelesaian, penyelesaian Guaman 318 dan penyelesaian prosiding Lembaga Tatatertib Majlis Peguam Malaysia tersebut defendant pertama kini telah mendapat keterangan bahawa plaintiff telah membuat tuntutan dua kali untuk jumlah RM570,000.

[8] Menurut defendant pertama, kali pertama plaintiff menuntut jumlah RM570,000 adalah pada masa plaintiff memfailkan bil kosnya untuk ditaksirkan mahkamah. Dalam bil kosnya, plaintiff telah pun menuntut kos

B

C

D

E

F

G

H

I

- A “getting up” untuk butiran-butiran 208, 276, 283, 296, 324, 328 dan 349 berjumlah RM570,000. Namun, jumlah kos “getting up” RM570,000 yang dituntut dalam bil kosnya telah dibenarkan di mana apabila HMT dalam semakan lanjut telah hanya membenarkan kos “getting up” plaintif sebanyak RM150,000 dan untuk keseluruhan fi guaman HMT telah membenarkan kos fi guaman sebanyak RM193,000 yang dikenakan faedah pada kadar 5% sehingga penyelesaian penuh.
- B

[9] Menurut defendan pertama seterusnya, kali kedua plaintif menuntut jumlah RM570,000 adalah dalam permohonannya untuk taksiran ganti rugi.

- C Dalam saman: arahan untuk mentaksirkan ganti rugi plaintif telah menuntut jumlah ganti rugi sebanyak RM645,556. Daripada jumlah ganti rugi yang dituntut sebanyak RM645,556 tersebut, sebanyak RM570,000 yang dituntut adalah bagi fi-fi guaman untuk tujuh butiran yang sama di mana fi-fi guaman ini telah pun dituntut oleh plaintif dalam bil kosnya kandungan 42. (Sila lihat saman untuk pentaksiran ganti rugi dilampirkan sebagai eksh. YKL3).

- D [10] Dalam perkara ini, defendan pertama telah menegaskan bahawa plaintif telah mengelirukan PKP yang mendengar taksiran ganti rugi dengan menyembunyikan fakta bahawa tujuh butiran yang sama dituntut yang berjumlah RM570,000 itu telah pun dituntut sebelum ini dalam bil kos plaintif di mana jumlah tersebut telah dikurangkan kepada RM150,000.
- E Apabila dicampurkan kos “thrown away” dan kos pelbagai sebanyak RM25,000. Plaintiff hanya layak untuk dibayar fi guaman sebanyak RM193,000.

[11] Berdasarkan tegasan itu, adalah menjadi pengataan defendan pertama bahawa apabila PKP mengawardkan plaintif ganti rugi sebanyak

- F RM645,556, pengawardan tersebut telah dibuat oleh PKP berdasarkan penyembunyian fakta oleh plaintif yang beliau telah pun menuntut jumlah RM570,000 dalam bil kosnya tetapi jumlah itu telah tidak dibenarkan oleh HMT semasa kajian lanjut bil kos. Menurut defendan pertama, plaintif sepatutnya hanya layak untuk menerima RM75,566 sahaja yakni daripada jumlah RM645,566 ditolak RM570,000.
- G

Kemasukan Keterangan-keterangan Baharu

[12] Adalah menjadi pengataan defendan pertama bahawa dengan pengemukaan keterangan-keterangan baharu dalam prosiding tatatertib oleh

- H Majlis Peguam Malaysia terhadap plaintif dan Dato' Yee, permohonan defendan pertama untuk meminda atau mengetepikan perintah PKP bertarikh 25 November 2011 yang telah mentaksir ganti rugi plaintif sebanyak RM645,556 adalah sesuatu yang wajar dan perlu kerana perlakuan plaintif yang telah membuat tuntutan fi guaman dua kali telah menjadi sangatlah nyata dan jelas.
- I

[13] Plaintiff semasa diperiksa balas dalam prosiding Lembaga Tatatertib telah mengakui bahawa beliau telah membuat tuntutan untuk fi guaman sebanyak dua kali yakni dalam bil kosnya dan juga dalam saman untuk mentaksirkan ganti ruginya.

A

(i) Keterangan dalam Nota Prosiding Lembaga Tatatertib

B

Muka surat 8 & 9:

Mahendran: In your bill of cost you claimed counsel fees total amount of RM570,000.00 for engaging Lee, Oliver and Gan. That was reduced to RM198,078.50.

Chris Lai: The court decided.

C

Muka surat 4:

Q: Do you know Mr Chris Lai?.

A: Yes we were university mates.

D

Q: Mahendran: But for the issue of damages, in the application of damages, you once again made a similar claim. It is identical. You were dishonest in making a claim in the 2nd application for damages for the very same council fees. You claim in cost and again also in damages. Double claim.

E

A: Chris Lai: The court has the right to decide.

Q: Subramaniam (member of the DC): But isn't it double claim

A: Chris Lai: Refer to the Bill of Cost. I had put in my claim of RM570,000.00, the court reduced it to RM198,028.50. In the assessment of damages, I put in the legal cost.

F

A: Yes

Muka surat 10:

Subramaniam (DC Committee):

G

Chris Lai: Same matter taken further before Dr Prasad then raised to RM198,000 of the cost. Item 1 to 7 is in the Bill of Cost is also in the claim for damages as well.

Chris Lai: Yes.

(ii) Laporan Prosiding Lembaga Tatatertib

H

Di ms. 14 dan 15 Laporan Prosiding Lembaga Tatatertib, Lembaga Tatatertib telah membuat laporan berhubung perbuatan plaintiff yang telah membuat "double claim" seperti berikut:

I

The 17 items claimed by the 1st Respondent during the claim for Assessment of Damages, the 2nd Respondent solicitor had no objections. Since the 2nd Respondent solicitors did not object, the 1st Respondent obviously benefited and was awarded RM645,566 by the court.

- A The conduct of both the solicitor brought disrepute to the Legal Profession and is a conduct that should not be condoned and is unbecoming. The 2nd Respondent was not concerned with the client's interest at all. It was total disregard of the client's interest and instructions. We find both Respondents guilty of misconduct.
- B 1st Respondent had added a double claim. He succeeded in the Bill of Cost, he then put in a similar claim in the assessment of damages too.
- 2nd Respondent firm did not even object to the double claim in the assessment of damages made by the 1st Respondent (worth of the subject matter i.e. the said Iron support 0.3% of the award).
- C **1st Respondent Misconduct**
- Duplicity of claim in the Bill of Costs and in the Application for Assessment of Damages. The legal fees (getting up and etc) had already been taxed in the Bill of Costs, however, repeated the claim (RM590,000) in the Assessment of Damages (Non-compliance of Order 37 r. 1(6) and Order 34 r. 8(1) Rules of Court 2012, "Parties to the action and their solicitors shall give all such information and produce all such documents as the Court may reasonably require for the purposes of enabling the Court to properly deal with the action".
- E (iii) Perintah Lembaga Tatatertib Majlis Peguam Malaysia bertarikh 14 Februari 2019
- In exercise of the powers conferred by Section 103D of the Legal Profession Act 1976 (the Act), the Disciplinary Board having on 14 February 2019, affirmed the finding of liability and recommendation on punishment by the Disciplinary Committee on the complaint against the Respondents, IT IS HEREBY ORDERED as follows:
- G i) that the 1st Respondent do pay a fine of Ringgit Malaysia Fifty Thousand (RM50,000.00) only payable to the Discipline Fund within one (1) month from the date of this Order AND IN DEFAULT THEREOF the 1st Respondent shall be suspended pursuant to Section 103(1) of the Act from practice as an Advocate and Solicitor until payment of the fine; and
- H ii) that the 2nd Respondent do pay a fine of Ringgit Malaysia Ten Thousand (RM10,000.00) only payable to the Discipline Fund within one (1) month from the date of this Order AND IN DEFAULT THEREOF the 2nd Respondent shall be suspended pursuant to Section 103(1) of the Act from Practice as an Advocate and Solicitor until payment of the fine.
- I

The Disciplinary Board FURTHER ORDERED that the 1st Respondent, do make restitution to the Complainant the sum of Ringgit Malaysia Three Hundred and Ninety Eight Thousand (RM398,000.00) only within one (1) month from the date of the Order.

A

The Disciplinary Board FURTHER ORDERED that the 2nd Respondent do make restitution to the Complainant the sum of Ringgit Malaysia Twenty Thousand Six Hundred (RM20,600.00) only within one (1) month from the date of the Order.

B

[14] Peguam defendan pertama telah menghujahkan bahawa keterangan-keterangan baharu yang dikemukakan adalah penemuan fakta oleh Jawatankuasa Tatatertib Majlis Peguam Malaysia yang merupakan sebuah badan statutori yang mana keterangan ini adalah bersifat material dan boleh dipercayai. Dengan yang demikian, ianya jelas menegaskan bahawa perintah taksiran PKP bertarikh 25 November 2011 tersebut telah diperoleh secara tidak teratur, maka perintah tersebut perlu diketepikan *ex debito* ataupun dipinda kepada jumlah ganti rugi yang benar-benar sepatutnya diterima atau layak diterima plaintif.

C

Bantahan Plaintiff

[15] Plaintiff telah menentang permohonan defendan pertama di hadapan TP serta menentang rayuan di kandungan 61 ini atas alasan-alasan yang berikut:

E

- (i) Terdapat kelewatan melampau di pihak defendan pertama dalam memfailkan permohonan untuk meminda perintah bertarikh 25 November 2011.

F

- (ii) Permohonan defendan pertama adalah salah, tidak teratur dan merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

G


- (iii) Sebarang cabaran terhadap perintah bertarikh 25 November 2011 sepatutnya dibangkitkan melalui satu rayuan terhadap perintah bertarikh 25 November 2011 tersebut dan/atau guaman baharu untuk mengetepikan perintah tersebut.

H

- (iv) Permohonan defendan untuk satu perintah supaya plaintiff mengembalikan/memulangkan RM395,637.82 kepada defendant pertama tanpa memfailkan apa-apa rayuan untuk mencabar perintah tersebut adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

I

- (v) Permohonan defendan pertama adalah dihalang oleh prinsip estoppel dan/atau *res judicata*.
- (vi) Dari pada membangkitkan isu-isu kononnya plaintiff menyembunyikan fakta semasa di hadapan PKP untuk pentaksiran ganti rugi.



A Analisis Dan Keputusan Mahkamah

Alasan (i) – Terdapat Kelewatan Melampau Di Pihak Defendan Pertama Dalam Memfailkan Permohonan Lampiran 1 Yakni Untuk Meminda Perintah Bertarikh 25 November 2011

- B** [16] Peguam plaintiff telah menghujahkan bahawa defendan pertama hanya telah memfailkan permohonannya dalam lamp. 1 pada 23 November 2018 (menurut rekod mahkamah lamp. 1 difailkan pada 14 November 2018). Oleh itu, permohonan defendan pertama ini telah difailkan lebih tujuh tahun selepas perintah bertarikh 25 November 2011 diberikan oleh PKP. Justeru itu, menurut peguam terdapat kelewatan yang melampau di pihak defendan pertama dalam permohonannya.
- [17] Peguam plaintiff juga menghujahkan bahawa defendan pertama telah tidak mengemukakan alasan-alasan yang kukuh dalam menjelaskan kelewatannya. Menurut peguam lagi, alasan sibuk dengan prosiding tatatertib dengan Majlis Peguam yang dibangkitkan defendan pertama bukanlah suatu alasan yang kukuh. Adalah dihujahkan selanjutnya oleh peguam plaintiff bahawa kelewatan melampau ini telah memprejudiskan plaintiff dengan teruk.
- [18] Peguam defendan pertama telah menafikan terdapat kelewatan dalam memfailkan permohonan lamp. 1 ini. Menurut peguam defendan pertama permohonan ini telah difailkan oleh defendan pada tahun 2018 kerana defendan pertama baru mengetahui bahawa plaintiff telah membuat tuntutan fi guaman terhadap defendan pertama yang kononnya sebanyak RM570,000 (bayaran kepada Tetuan Lee, Oliver & Gan) sebanyak dua kali yakni tuntutan pertama kali dalam bil kos dan menuntut jumlah yang sama pada taksiran ganti rugi di hadapan PKP.
- [19] Menurut defendan pertama, apa yang berlaku ialah:
- (i) setelah perintah taksiran ganti rugi diberikan oleh PKP pada 25 November 2011, pihak pengurusannya yang terdahulu dan plaintiff telah memasuki perjanjian penyelesaian yang mana pihak-pihak bersetuju untuk jumlah RM451,000 dibayar kepada plaintiff dalam masa 15 bulan secara ansuran yang mana RM300,000 akan dipulangkan kepada defendant pertama oleh plaintiff sebagai tanda goodwill (as a matter of goodwill).
- G** (ii) Pada masa itu defendan pertama tidak mengesyaki sebarang keraguan ke atas perjanjian tersebut, oleh itu, tiada sebarang rayuan difailkan kepada hakim terhadap award oleh PKP tersebut.
- H** (iii) Walau bagaimanapun, plaintiff telah gagal memulangkan RM300,000 sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian penyelesaian tersebut.
- I**

- (iv) Atas kegagalan plaintif untuk membuat bayaran balik wang sebanyak RM300,000 tersebut, pada tahun 2016 satu aduan telah dibuat kepada Badan Disiplin Majlis Peguam oleh defendant pertama. A
- (v) Atas siasatan yang dijalankan terhadap aduan kepada Majlis Peguam tersebutlah yang telah mendedahkan bahawa plaintif telah menuntut fi guaman sebanyak RM570,000 dua kali ganti rugi sebanyak dua kali (pada bil kos dan semasa taksiran ganti rugi). B
- (vi) Apabila defendant pertama mengetahui tuntutan dua kali untuk fi guaman yang sama (bayaran untuk kerja yang sama) telah dibuat oleh plaintif, maka defendant berpendapat bahawa plaintif telah melanggar s. 94(3) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 dengan membuat pengkayaan yang tidak patut bagi jumlah RM395,637.82. Oleh itu, defendant pertama memfailkan permohonan lamp. 1 pada bulan November tahun 2018. Menurut defendant pertama lagi lamp. 1 ini difailkan pada bulan November 2018 kerana pendengaran Disiplin Majlis Peguam yang hanya berakhir pada 17 Ogos 2018. C
- D

[20] Bagi mahkamah ini, tidak ada kelewatan di pihak defendant dalam memfailkan lamp. 1 ini atas alasan-alasan berikut:

- (i) hal perkara plaintif membuat tuntutan dua kali untuk fi guaman bagi kerja-kerja yang sama telah hanya berbangkit pada tahun 2017/2018 apabila dalam prosiding tatatertib Majlis Peguam plaintif telah mengakui bahawa beliaulah yang telah mengesyorkan Tetuan Davis & Loh untuk mewakili defendant pertama. Apabila Dato' Davis dari Tetuan Davis & Loh dalam keterangannya di hadapan Jawatankuasa Tatatertib mengakui bahawa ia tidak mempunyai kertas kausa untuk bil kos dan taksiran ganti rugi walhal mereka adalah peguam yang sepatutnya membela defendant pertama. Keterangan Dato' Davis yang tidak mempunyai sebarang kertas kausa anak guamnya sendiri telah membangkitkan kecurigaan kepada defendant pertama yang kemudiannya telah membuat carian fail bagi kedua-dua bil kos dan taksiran ganti rugi. Pada masa carian inilah, defendant pertama mendapati bahawa plaintif telah membuat tuntutan dua kali bagi fi guaman sebanyak RM570,000 tersebut. Oleh itu, bagi mahkamah ini isu tuntutan dua kali plaintif ini hanya berbangkit pada hujung tahun 2017 dan tahun 2018. E
- F
- G
- (ii) Walaupun isu ini telah pun berbangkit pada tahun 2017 dan pada tahun 2018, defendant pertama telah memfailkan lamp. 1 pada bulan November 2018. Mahkamah ini berpandangan tidak ada langsung kelewatan melampau di pihak defendant pertama kerana lamp. 1 telah difailkan pada tahun 2018 juga. Lagipun, mahkamah ini bersetuju dengan peguam defendant pertama bahawa prosiding tatatertib Majlis Peguam telah hanya berakhir pada 17 Ogos 2018 dan dengan prosiding H
- I

- A tatatertib masih berjalan semestinya perhatian defendant pertama telah tertumpu kepada prosiding tatatertib tersebut. Di samping itu juga, defendant pertama terpaksa meyakinkan pengurusan defendant pertama yang baharu untuk membawa tindakan dalam lamp. 1 kerana defendant pertama pada masa yang sama dalam situasi kewangan yang ketat yang terpaksa membayar kos RM95,000 bagi Guaman 318. Mahkamah ini berpandangan bahawa defendant pertama telah pun membangkitkan alasan-alasan yang munasabah kenapa ia telah memfailkan lamp. 1 pada bulan November tahun 2018. Bagi mahkamah ini, peguam plaintif adalah silap mengira tempoh masa tujuh tahun dari tarikh 25 November 2011 (tarikh perintah taksiran ganti rugi oleh PKP) kerana isu tuntutan dua kali oleh plaintif tidak berbangkit dari tahun 2011 tetapi ia hanya telah timbul pada tahun 2017/2018 pada masa prosiding tatatertib Majlis Peguam. Apatah lagi dalam prosiding tatatertib Majlis Peguam ini plaintif sendiri telah mengakui ia telah membuat tuntutan dua kali bagi fi peguam sebanyak RM570,000 untuk bil kosnya dan juga pada masa taksiran ganti rugi.
- (iii) Permohonan defendant pertama adalah salah, tidak teratur dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah.
- (iv) Sebarang cabaran terhadap perintah bertarikh 25 November 2011 sepatutnya dibangkitkan melalui satu rayuan terhadap perintah bertarikh 25 November 2011 tersebut dan/atau guaman baharu untuk mengetepikan perintah tersebut.
- (v) Permohonan defendant untuk satu perintah supaya plaintif mengembalikan/memulangkan RM395,637.82 kepada defendant pertama tanpa memfailkan apa-apa rayuan untuk mencabar perintah tersebut adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Alasan (i), (iii) dan (iv) dipertimbangkan bersekali.
- G [21] Plaintiff telah membantah keras permohonan defendant pertama dalam lamp. 1 dengan membangkitkan pengataan bahawa permohonan defendant pertama untuk meminda perintah bertarikh 25 November 2011 adalah suatu yang tidak teratur dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Peguam plaintiff telah menghujahkan berikut:
- H (i) Setelah perintah taksiran ganti rugi diberikan pada 25 November 2011, defendant pertama juga telah memasuki satu perjanjian persetujuan di mana antara lain defendant pertama bersetuju bahawa jumlah RM645,566 adalah merupakan ganti rugi yang harus diberikan oleh defendant pertama kepada plaintiff. Malah defendant pertama telah pun memulakan Guaman 318 untuk mencabar perintah bertarikh 25 November 2011 tersebut. Namun begitu, tindakan defendant pertama tersebut telah dibatalkan secara terus (summarily struck out) oleh Mahkamah Tinggi. Rayuan defendant pertama di Mahkamah Rayuan telah ditolak manakala kebenaran untuk merayu ke Mahkamah Persekutuan juga telah ditolak.

- (ii) Oleh itu, peguam plaintif telah menghujahkan bahawa isu-isu yang dibangkitkan oleh defendant pertama dalam lamp. 1 telah pun dibangkitkan oleh defendant pertama dalam Guaman 318 seterusnya di peringkat Mahkamah Rayuan. Malahan permohonan defendant pertama untuk kebenaran merayu telah juga ditolak Mahkamah Persekutuan. Menurut peguam plaintif lagi, rayuan defendant-defendant pertama terhadap perintah garnisi mutlak bertarikh 9 Ogos 2016 yang diperolehi plaintif telah juga ditolak oleh YA Tuan Darryl Goon Siew Chye di peringkat rayuan kepada hakim dalam kamar. Peguam plaintif seterusnya menghujahkan bahawa dakwaan defendant pertama yang plaintif tidak layak untuk menuntut fi guamannya telah pun dibangkitkan dalam prosiding garnisi tersebut. Oleh itu, semua alegasi-allegasi defendant pertama tentang ketidaklayakan plaintif terhadap fi guaman tersebut telah menjadi *res judicata* dan tidaklah boleh dibangkitkan semula dalam permohonan ini. Untuk itu peguam plaintif telah merujuk kepada kes-kes berikut:
- (a) *Asia Commercial Finance (M) Bhd v. Kawal Teliti Sdn Bhd* [1995] 3 CLJ 783; [1995] 3 MLJ 189.
- (b) Peguam plaintif selanjutnya menghujahkan bahawa permohonan defendant pertama untuk mencabar perintah bertarikh 25 November 2011 kononnya dengan membangkitkan keterangan baharu tidak boleh dibenarkan kerana alegasi-allegasi yang dibangkitkan yakni “Plaintif tidak layak untuk menuntut fi guamannya dalam tuntutan ganti rugi” telah pun dibangkitkan dalam tindakan terdahulu yakni Guaman 318 dan prosiding garnisi. Defendant pertama adalah diestop daripada membangkitkan perintah ganti rugi tersebut kerana defendant pertama telah pun mengakui dalam perjanjian penyelesaian yang ia telah bersetuju jumlah yang perlu dibayar kepada plaintif.
- (c) Dalam kes ini juga, defendant pertama sendiri telah tidak merayu terhadap keputusan PKP yang telah mengawardkan plaintif ganti rugi sebanyak RM645,566, maka, kini defendant pertama tidak boleh membangkitkan semula perintah ganti rugi yang telah diberikan tersebut.
- (d) Berhubung dengan keterangan baharu pula, adalah dihujahkan oleh peguam plaintif bahawa keterangan-keterangan baharu yang dikemukakan defendant pertama berhubung prosiding tatatertib Majlis Peguam terhadap plaintif dan Dato’ Yee tidak mengikat mahkamah ini kerana ia telah diberikan bertentangan dengan perintah 25 November 2011 dan keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dalam Guaman 318.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A (e) Bergantung kepada keputusan kes *Jasa Keramat Sdn Bhd & Anor v. Monatech (M) Sdn Bhd* [1999] 4 CLJ 533; [1999] 4 MLJ 637, peguam plaintif telah menghujahkan bahawa permohonan defendant pertama untuk mencabar perintah bertarikh 25 November 2011 dengan keterangan-keterangan baharu ini adalah satu percubaan melalui jalan belakang yang merupakan satu penyalahgunaan proses mahkamah. Maka, ianya sepatutnya tidak boleh dilayan atau dibenarkan. Kalaupun defendant pertama mempunyai keterangan-keterangan baharu yang boleh mencabar perintah bertarikh 25 November 2011, bersandarkan kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid* [1980] 1 LNS 92; [1981] 1 MLJ 143, defendant pertama tidak boleh memfailkan permohonan sebegini untuk meminda perintah tersebut. Defendant pertama sepatutnya memulakan suatu tindakan baharu (fresh action) untuk mengetepikan perintah tersebut dan bukanlah dengan pemfailan lamp. 1.
- B
- C
- D [22] Mahkamah ini berdepan dengan satu permohonan untuk meminda atau mengetepikan perintah yang telah diberikan oleh PKP lebih dari tujuh tahun lalu yakni pada 25 November 2011. Perintah ini telah diberikan kepada plaintif atas suatu saman untuk mentaksirkan ganti rugi yang dialami oleh plaintif atas pencerobohan yang telah dilakukan oleh defendant pertama.
- E [23] Plaintiff telah menentang permohonan ini dengan alasan-alasan permohonan ini adalah suatu penyalahgunaan kuasa mahkamah, estoppel dan juga *res judicata*. Plaintiff juga mengatakan permohonan ini adalah satu tindakan mencabar perintah bertarikh 25 November 2011 secara jalan belakang sedangkan isu-isu berhubung dakwaan "Plaintif tidak layak untuk menuntut fi guamannya dalam tuntutan ganti rugi" telah pun dibangkitkan oleh defendant pertama dalam Guaman 318 yang telah sampai kepada peringkat permohonan untuk kebenaran merayu di Mahkamah Persekutuan dan prosiding garnisi yang diambil oleh plaintiff. Apatah lagi, defendant pertama telah memasuki perjanjian penyelesaian dengan plaintiff dan telah mengakui jumlah yang perlu dibayarnya kepada plaintiff atas perintah tersebut. Plaintiff seterusnya berdiri atas posisi sekiranya pun ada keterangan-keterangan baharu yang mempertikaikan kesahihan perintah tersebut, satu tindakan baharu hendaklah difailkan oleh defendant pertama dan bukanlah melalui permohonan seperti dalam lamp. 1.
- F
- G
- H [24] Dengan hormatnya mahkamah ini tidak bersetuju dengan apa yang telah dibangkitkan oleh plaintiff. Apa yang jelas di sini adalah; perintah bertarikh 25 November 2011 yang diberikan oleh PKP telah diberikan olehnya tanpa mengetahui bahawa jumlah sebanyak RM570,000 yang dituntut oleh plaintiff dalam saman taksiran ganti rugi telah pun dituntut oleh plaintiff dalam bil kosnya semasa memfailkan taksiran kos di hadapan PKP.
- I

Plaintif yang telah menuntut fi guaman sebanyak RM570,000 dalam bil kos tetapi tidak berjaya untuk mendapatkan jumlah tersebut di mana plaintif hanya dibenarkan untuk kos fi guaman sebanyak RM193,000. Namun dengan pengetahuan yang beliau telah menuntut jumlah RM570,000 tetapi gagal, kemudiannya telah memasukkan jumlah yang sama dalam saman taksiran ganti ruginya.

A

[25] Dalam hal yang demikian, plaintif dari awal lagi telah mengetahui bahawa sememangnya beliau telah membuat double claim.

[26] Dalam kedudukan sebegini, mahkamah ini bersetuju dengan peguam defendant pertama bahawa perintah yang diperolehi oleh plaintif bagi taksiran ganti rugi itu adalah satu yang di luar aturan ataupun irregular yang mana plaintif telah memperolehinya dengan cara yang tidak jujur yakni menuntut jumlah yang keterlaluan (excessive) di mana beliau pada mulanya telah tidak berjaya untuk mendapat jumlah tersebut pada pusingan pertama yakni pada masa bil kosnya ditaksirkan. Akan tetapi telah menuntut jumlah yang sama sebanyak RM570,000 (walhal mahkamah pada taksiran bil kos telah pun mentaksirkan fi guaman tersebut adalah satu yang keterlaluan dan tidak munasabah dan telah menurunkan kepada RM193,000) dalam taksiran ganti rugi pula.

B

C

D

E

F

G

H

I

[27] Dalam keadaan ini, mahkamah berpandangan bahawa perintah ini adalah suatu yang irregular dan boleh diketepikan secara *ex debito* ataupun dipinda untuk membetulkan kedudukannya yang sebenar.

[28] Walaupun peguam plaintif cuba meyakinkan mahkamah ini supaya membezakan permohonan defendant pertama dengan apa yang berlaku dalam kes *Lee Tain Tshung v. Hong Leong Finance Bhd* [2000] 4 CLJ 15 kerana dalam kes *Lee Tain Tshung (supra)* bukanlah satu permohonan untuk meminda perintah tetapi satu permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar pembelaan atas suatu jumlah penghakiman yang keterlaluan telah dimasukkan. Namun bagi mahkamah ini dalam kes di hadapan mahkamah ini apa yang jelas; plaintif dengan pengetahuan penuh bahawa tuntutan beliau untuk fi guaman RM570,000 telah ditolak dan hanya RM193,000 dibenarkan telah memasukkan jumlah itu sekali lagi dalam tuntutan taksiran ganti ruginya. Ini jelas satu perlakuan “double claiming”. Perkara atau isu fi guaman telah pun ditentukan dan diputuskan dalam taksiran kos bil kos, tetapi plaintif telah menuntut sekali lagi jumlah tersebut. Mahkamah ini katakan jumlah ganti rugi yang plaintif adalah tidak benar dan plaintif tidak layak mendapat jumlah yang tersebut. Makanya, atas kuasa yang ada pada mahkamah ini, jumlah tersebut hendaklah diperbetulkan kepada setakat yang layak diterimanya. Oleh itu, mahkamah ini berpandangan permohonan defendant pertama adalah satu permohonan yang bermerit kerana jumlah tuntutan ganti rugi yang diperolehi plaintif adalah suatu yang diperolehinya secara tidak jujur, tidak teratur dan bagi jumlah yang tidak betul (incorrect amount).

- A [29] Mahkamah Rayuan dalam kes *Lee Tain Tshung* telah berkata di ms. 20 dan 40:
- If it is irregular, it can be set aside by the court that made it upon an application to that court; if it is regular it can be set aside by an appellate court upon appeal ... (ms. 20, perenggan g)
- B If it had been a regular judgment then Lee's recourse would have been to appeal. He did not appeal. Instead, he applied to have the judgment set aside which he could do if the judgment had been irregularly obtained. (ms. 40, perenggan e)
- C [30] Dalam hal tuntutan berganda (double claim) plaintif yang tidak dide dahkan kepada PKP semasa prosiding taksiran ganti rugi, mahkamah ini suka juga merujuk kepada perenggan [34] keputusan kes *Serac Asia Sdn Bhd v. Sepakat Insurance Brokers Sdn Bhd* [2012] 9 CLJ 576, di mana Mahkamah Rayuan telah berkata berikut:
- D [34] The failure on the part of the plaintiff in disclosing the material fact pertaining to the ownership of the Cessna aircraft and using this court as a springboard to pursue its non *bona fide* claim amounted to an abuse of the process of the court. The court has the inherent jurisdiction to prevent an abuse of its process (*Raja Zainal Abidin Raja Haji Takchik & Ors v. British-American Life & General Insurance Bhd* [1993] 3 CLJ 606).
- E [31] Keterangan-keterangan baharu yang dimasukkan oleh defendant pertama pada peringkat ini sangatlah jelas. Selain daripada keputusan Lembaga Tatatertib Majlis Peguam terhadap plaintif dan Dato' Yee, plaintif dalam kes ini tidak boleh menafikan keterangannya semasa prosiding tatatertib Majlis Peguam. Plaintiff sendiri telah mengakui yang beliau sememangnya telah membuat "double claim" dan daripada keterangan-keterangan yang dikemukakan dalam prosiding tatatertib Majlis Peguam tersebut plaintif telah pun didapati bersalah atas salah laku dalam membuat tuntutan dua kali atau "double claim" tersebut.
- F [32] Walaupun, keputusan Lembaga Tatatertib tidak mengikat mahkamah ini, namun dalam keadaan di mana wujud pengakuan plaintif sendiri yang beliau sememangnya telah membuat tuntutan dua kali bagi fi guaman (pada taksiran bil kos dan taksiran ganti rugi) sehingga Lembaga Tatatertib telah mendapati plaintif bersalah atas perlakuan salah laku. Dalam keadaan ini, mahkamah ini tidak boleh berdiam diri atau menutup matanya dan membiarkan plaintif bebas begitu sahaja setelah bertindak tidak jujur ataupun bertindak sesuka hatinya untuk memperkayakan dirinya dengan membuat tuntutan dua kali "double claim" atas perbuatan sebegini. Apatah lagi perlakuan ini dilakukan oleh seorang peguam yang tahu dan jelas akan kedudukan dan proses undang-undang. Profesionalisme mengkehendaki plaintif bertindak dengan jujur, amanah dan berintegriti. Bagi mahkamah ini perbuatan plaintif inilah suatu penyalahgunaan proses mahkamah kerana

plaintif telah menggunakan prosiding taksiran ganti rugi untuk mendapat jumlah ganti rugi yang banyak dengan menuntut sekali lagi jumlah fi guaman bagi kerja yang sama (sebanyak RM570,000) dengan penuh pengetahuan bahawa tuntutannya untuk jumlah tersebut gagal di masa taksiran bil kos.

[33] Dalam perlakuan sebegini kedudukan plaintiff sebagai seorang peguam mestilah juga diberi pertimbangan. Raja Azlan Shah KHN (pada ketika itu), dalam kes *Jaginder Singh & Ors v. The Attorney-General* [1983] 1 CLJ 69; [1983] CLJ (Rep) 176; [1983] 1 MLJ 71, telah merujuk petikan dalam kes *Shamdasani v. King Emperor* [1951] 2 KB 611 yang mengatakan berikut:

The defendants' misdeeds are acts of contempt of the worst kind that the court can possibly think of, because in seeking to achieve their evil end and insatiable greed they made the court the subject of their deception and mischief. The extreme culpability of their ill-doing lay in the fact that the trust and confidence which the court places on them as lawyers had been used only to defile that trust by acting to deceive the court thereby becoming the subject of their mockery ridicule and contempt. The court can dispense with justice only if counsel will not mislead, otherwise justice will suffer from the infirmity of the court itself being devoid of justice. People seldom pause to ask sometimes what safety the ordinary individual has in the hands of lawyers if the court itself, in which he seeks redress is no longer safe to be in the same hands. To me the defendants' act is even more despicable because it is an expressed advocates & solicitors rule that counsel shall not practice deception on the court (Rule 17). They have by falsely representing that the 3rd defendant was the owner of the land acted in utter defiance and disregard on the court and the rules of their own profession.

[34] Adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa dalam keadaan sebegini, mahkamah hendaklah menggunakan kuasa yang ada padanya untuk untuk membetulkan kedudukan jumlah ganti rugi yang sepatutnya berhak diterima oleh plaintif menurut undang-undang. Sepertimana dalam kes *Lee Tain Tshung*, walaupun pada dasarnya satu penghakiman yang jumlahnya keterlaluan atau jumlah yang tidak betul mestilah diketepikan dahulu, namun dalam kes ini memandangkan tempoh masa yang telah berlanjutan begitu lama ini, maka adalah lebih adil, sesuai dan wajar perintah bertarikh 25 November 2011 bagi taksiran ganti rugi plaintif itu dipinda kepada jumlah yang sewajarnya diterima olehnya setelah menolak jumlah yang telah dituntut dua kali.

Permohonan Defendan Pertama Tidak Dihalang Oleh Estoppel Ataupun Res Judicata

[35] Mahkamah ini juga bersetuju dengan peguam defendan pertama bahawa isu estoppel dan *res judicata* yang telah dibangkitkan oleh plaintif adalah tidak terpakai dalam kes ini atas alasan-alasan berikut:

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A (i) Hal berkenaan dengan tuntutan fi guaman RM570,000 dua kali atau “double claim” dan pengakuan plaintif berkenaan “double claim” ini telah hanya berbangkit pada prosiding tatatertib Majlis Peguam.
- B (ii) Pengakuan plaintif yang beliau telah menuntut fi guaman sebanyak RM570,000 sekali lagi dalam prosiding taksiran ganti rugi setelah tuntutan beliau untuk jumlah yang sama dan bagi kerja yang sama ditolak semasa taksiran bil kos di mana hanya sebanyak RM150,000 (dicampur kos ‘thrown away’, kos pelbagai dan faedah menjadi RM198,078.51) dibenarkan adalah di luar pengetahuan PKP. PKP yang telah membenarkan tuntutan ganti rugi plaintif sebanyak RM645,566 tidak mengetahui langsung bahawa sebahagian besar jumlah tuntutan ganti rugi yang dituntut oleh plaintif yakni RM570,000 adalah fi guaman yang telah dituntut dalam bil kos. Sekiranya PKP mengetahui kedudukan sebenarnya, mahkamah ini yakin jumlah RM645,566 yang dituntut plaintif pastinya tidak berjaya. Dalam hal ini, semasa perintah bertarikh 25 November 2011 ini diberikan isu “double claim” oleh plaintif tidak berbangkit. Begitu juga apabila defendant pertama memasuki perjanjian penyelesaian dengan plaintif isu “double claim” belum lagi berbangkit. Jadi tidak timbul estoppel yang kononnya defendant pertama sendiri telah mengakui dan bersetuju bahawa plaintif hendaklah dibayar sebanyak RM645,566 kerana defendant pertama sendiri tidak mengetahui wujudnya double claim oleh plaintif dalam prosiding taksiran ganti rugi.
- C (iii) Begitu juga dalam Guaman 318, isu dan pengakuan plaintif bagi double claim ini tidak wujud dan tidak berbangkit. Mahkamah ini perlu menekankan bahawa apabila defendant pertama telah memfailkan Guaman 318 terhadap plaintif dan tiga pihak lagi yakni Tetuan Davis & Low, Dato' Yee Fei Churn dan Professor Rev. Dr Ho Ban Lee, ia telah memohon untuk mendapat perisyntaran dan perintah untuk mengetepikan perintah-perintah bertarikh 19 Oktober 2011 (bil kos) dan 25 November 2011 (perintah taksiran ganti rugi) atas dakwaan fraud, konspirasi dan pemecahan perjanjian penyelesaian.
- D (iv) Mahkamah ini telah meneliti alasan penghakiman HMT dalam Guaman 318 untuk melihat sama ada adakah isu double claim dan pengakuan double claim oleh plaintif adalah isu yang telah diputuskan oleh HMT dalam membenarkan permohonan defendant-defendant (plaintif dan tiga pihak lain) untuk membatalkan tindakan defendant pertama menurut A. 18 k. 19(1)(a) atau (b) atau (c) atau (d) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Perlu ditekankan di sini bahawa dalam Guaman 318 defendant pertama telah memohon untuk relief-relief antara lain perintah deklarasi dan perintah untuk mengetepikan perintah 25 November 2011 atas dakwaan bahawa wujudnya fraud atau konspirasi antara plaintif, peguam cara plaintif dan peguam cara yang mewakili defendant kedua atas

perkara-perkara berhubung dengan prosiding ganti rugi di hadapan PKP. Untuk tujuan memudahkan penelitian isu-isu yang diputuskan oleh HMT dalam Guaman 318, perenggan [29] hingga [31] alasan penghakiman HMT tersebut diperturunkan di bawah ini:

[29] Berdasarkan kepada minit Mahkamah (dikemukakan sebagai eksibit CYS-4 di dalam affidavit sokongan Plaintiff yang diikrarkan pada 13.9.2016) peguamcara dari Defendan Kedua yang mewakili Plaintiff, telah tidak membantah kepada permohonan gantirugi sebanyak RM645,566 oleh peguamcara Defendan Pertama. Plaintiff menghujahkan perkara ini tidak pernah dimaklumkan kepada mereka.

[30] Plaintiff seterusnya menghujahkan mereka juga tidak dimaklumkan berhubung dengan keputusan Penolong Kanan Pendaftar pada 12.7.2011 yang mengurangkan kos dari RM423,274.50 kepada RM40,000 dalam satu prosiding semakan semula kos.

[31] Selanjutnya plaintiff menghujahkan seperti berikut:

- i) setelah Defendan Pertama mendapat perintah MTKL bertarikh 30.3.2011, beliau telah memfailkan bil kos. Pada 11.5.2011 Mahkamah memerintahkan kos sebanyak RM423,274.50 tanpa kehadiran peguamcara Plaintiff. Defendan Pertama telah diwakili oleh seorang peguamcara dalam prosiding tersebut.
- ii) semakan kos berkenaan telah didengar oleh PKP pada 12.7.2011 dan kos telah dikurangkan kepada RM40,000 (salinan perintah dieksibitkan sebagai Eksibit C di dalam affidavit sokongan Defendan Keempat yang diikrarkan pada 24.8.2016).
- iii) Defendan Pertama telah memohon semakan semula kos berkenaan di hadapan YA HMT pada 19.1.2011 dengan kehadiran peguamcara kedua-dua pihak, permohonan semakan Defendan Pertama ditolak dan permohonan Plaintiff dibenarkan. Mahkamah memutuskan kos sebanyak RM198,078.50. Plaintiff diwakili oleh Defendan Kedua (firma) dan peguamcaranya ialah Defendan Ketiga yang dilantik oleh Defendan Keempat.
- iv) Plaintiff menerima sepucuk surat dari Defendan Kedua memaklumkan kos telah dikurangkan kepada RM198,078.50.
- v) Defendan Pertama memfailkan permohonan taksiran gantirugi dan memohon sebanyak RM645,566. Dalam prosiding berkenaan, Defendan Ketiga tidak hadir mewakili Plaintiff, sebaliknya menghantar seorang peguam muda dari Defendan Kedua. Tiada affidavit difailkan oleh Defendan Ketiga bagi mempertikaikan tuntutan melampau tersebut.
- vi) Defendan Ketiga dan Defendan Pertama adalah rakan baik dan rakan sekelas semasa di universiti.
- vii) daripada rekod, Defendan Kedua ditamatkan dari mewakili Plaintiff mulai 5.1.2012.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A viii) Defendan Keempat adalah pentadbir sementara Plaintiff mulai 14.10.2011 berdasarkan kepada perintah MTKL dalam kes R1-24-60-2011.
- ix) Defendan Pertama berbincang terus dengan Defendan Keempat dan meminta supaya tidak membuat rayuan kepada keputusan tersebut dan menandatangani satu perjanjian penyelesaian.
- B x) Perjanjian Penyelesaian bertarikh 16.1.2012.
- C Perjanjian ini dihadiri dan ditandatangani oleh Plaintiff dan Defendan Pertama. Defendan Keempat telah mengarahkan supaya Defendan Kedua dan Ketiga tidak hadir. Selain dari itu Defendan Keempat melantik seorang bernama Dato' Han Joke Kwang sebagai wakil Plaintiff. Dengan demikian dihujahkan Defendan Pertama sebagai seorang peguam telah diberi peluang untuk mendominankan perbincangan tersebut.
- D Juga dihujahkan Plaintiff diletakkan dalam keadaan lemah dan tidak berupaya untuk berbincang. Kesempatan ini diambil oleh Defendan Pertama untuk memberikan pengaruh tidak wajar (undue influence), penipuan, eksplorasi, kekeliruan, tidak jujur dan bersifat menekan.
- x) Keterangan baru Plaintiff
- E Plaintiff telah tidak dimaklumkan dan disembunyikan dari pengetahuannya berhubung dengan perintah Mahkamah bertarikh 25.11.2011 yang mengurangkan kos kepada RM40,000. Ini telah memulakan siasatan kepada a grand scheme of fraud, conspiracy, concealment, deceit and misrepresentation oleh Defendan Pertama, Kedua dan Ketiga kepada perintah-perintah Mahkamah bertarikh 19.10.2011 dan 25.11.2011. Fakta ini tidak ada pada Plaintiff semasa prosiding semakan kos di MTKL pada 19.10.2010.
- F (v) Berdasarkan penelitian terperinci perenggan [29] hingga [31] di atas, mahkamah ini bersetuju dengan peguam defendan pertama bahawa apabila HMT memutuskan Guaman 318 dalam permohonan pembatalan tindakan defendan pertama terhadap plaintiff dan tiga pihak lain, isu double claim oleh plaintiff dan pengakuan plaintiff atas double claim yang dibuatnya tidak langsung berbangkit. Dalam erti kata lain, tidak ada pemutusan oleh Mahkamah Tinggi berhubung isu double claim. Oleh itu, apabila rayuan Guaman 318, diputuskan oleh Mahkamah Rayuan dan keputusan Mahkamah Persekutuan untuk menolak permohonan kebenaran merayu yang difailkan oleh defendant pertama yang terbit daripada Guaman 318, isu double claim oleh plaintiff dan pengakuan plaintiff atas double claim yang dibuatnya tidak langsung berbangkit. Justeru, apabila isu double claim oleh plaintiff dan pengakuan plaintiff atas double claim yang dibuatnya tidak berbangkit, maka tidak ada pemutusan dan pertimbangan telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan atas isu double claim dan pengakuan plaintiff yang membuat
- G
- H
- I

isu double claim. Atas alasan ini isu *res judicata* yang dibangkitkan oleh plaintif adalah tidak dapat dipertegakkan. Walau apapun, mahkamah ini perlu menekankan bahawa undang-undang adalah jelas dan jitu bahawa prinsip atau doktrin *res judicata* sama ada pemakaianya dalam aspek pengertian sempit mahupun luas (whether in its narrow or broader sense) merupakan pemakaian suatu doktrin yang bersandarkan ekuiti dengan tujuan mencapai keadilan, maka mahkamah tidak akan memakainya dalam keadaan-keadaan yang melibatkan fraud ataupun apabila keterangan yang tidak wujud dalam pendengaran asal kini wujud. (Sila lihat *Syarikat Sebati Sdn Bhd v. Pengarah Jabatan Perhutanan & Anor* [2019] 3 CLJ 157; [2019] MLJU 79. Mahkamah Persekutuan – perenggan [43]: “It is clear however from decided cases that the circumstances alluded to by the Court of Appeal (ie, non-consideration of the provisions of the GCA (1949) do not fall within the exceptions to the doctrine of *res judicata* which are limited to the following situations: **fraud or where evidence not available at the original hearing becomes available** (see *Arnold v. National Westminster Bank Plc* [1991] 2 AC 93 and *Hock Hua Bank Bhd v. Sahari Murid* [1980] 1 LNS 92; [1981] 1 MLJ 143.) Di sini jelas bukti dan pengakuan plaintif yang membuat tuntutan “double claim” hanya wujud pada masa prosiding tata tertib Majlis Peguam. (penekanan ditambah)

[36] Dalam perkara ini, mahkamah ini merujuk semula kepada kes *Serac Asia Sdn Bhd (supra)* di mana Mahkamah Rayuan telah memutuskan antara lain:

- (1) The plea of *res judicata* did not apply in this case because of the existence of special circumstances. It is an exception to the general rule. The Court will not permit the parties to open the same subject of litigation except in special cases. In the context of the present appeal it was the existence of fresh evidence; *Tenaga Nasional Bhd v. Prorak Sdn Bhd & Anor* (refd). (paras 14 & 15)
- (2) The defendant had amply provided sufficient evidence to show to the court that there were special circumstances that ought to be considered, namely: (a) the plaintiff's false pleading; (b) the unconscionable conduct of the plaintiff by its failure to disclose relevant and material facts; ...

[37] Berhubung dengan tindakan atau perbuatan plaintif yang tidak jujur dalam membuat tuntutan berganda “double claim” yang boleh disifatkan tingkah laku yang tidak bertatasusila “unconscionable conduct”, mahkamah ini mesti merujuk kepada perenggan [34] hingga [40] penghakiman Mahkamah Rayuan dalam kes *Serac Asia Sdn Bhd* seperti berikut:

- [36] Pursuant to O. 42 r. 13 of the RHC 1980, the defendant filed an application to set aside the default judgment as well as under the inherent jurisdiction of the court. **It is trite that until it is set aside or varied** by way of a proper application, a perfected order approved by the Registrar, even though it contains the wrong interpretation of a decision, must be

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A implicitly obeyed and cannot be treated as a nullity (*Parasuraman Kuppan v. Sazali Md Akhir & Anor* [1997] 4 CLJ 62, HC). Here, it is plain and obvious that the Judgment in default was obtained by the plaintiff based on a misrepresentation of fact and by fraud and that would entitle the defendant to set aside the judgment in default.
- B [37] By not revealing and disclosing the material fact that the Cessna aircraft was not registered in the plaintiff's name, and by not disclosing the relevant documents to show the legal ownership of the Cessna aircraft, the plaintiff had committed fraud towards this court.
- C [40] The sum total of it all would be this. That the non-disclosure of the material documents during the hearing amounted to an unconscionable conduct on the part of the plaintiff and such unconscionable conduct amounted to nothing less than fraud. It is patently clear that the withholding of the crucial documents and the concealment of the same showed that the plaintiff had committed an unconscionable conduct tantamounting to fraud. (penekanan ditambah)
- D [38] Berdasarkan alasan-alasan di atas adalah menjadi dapatan mahkamah ini bahawa terdapatnya merit dalam rayuan defendant pertama ini dan dengan itu rayuan defendant pertama dalam kandungan 61 adalah dibenarkan. Namun, memandangkan pada tarikh keputusan diberikan, mahkamah ini juga telah dimaklumkan bahawa rayuan plaintif terhadap keputusan Lembaga Tatatertib Majlis Peguam telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi. Di hadapan HMT yang mendengar rayuan plaintif, peguam En Mahendran telah memohon supaya wang berjumlah RM398,000 didepositkan ke dalam akaun solicitor-client dilepaskan kepada anak guamnya sebagaimana perintah Lembaga Tatatertib, YA Hakim Mariana Yahya mengeluarkan perintah penggantungan sementara atas pelepasan wang tersebut.
- E [39] Selaras dengan perintah Hakim Mariana Yahya tersebut dan bagi mengelakkan satu perintah yang bertentangan berhubung dengan wang RM365,637.82, mahkamah ini telah memerintahkan seperti berikut:
- G
- (i) Rayuan defendant pertama di kandungan 61 dibenarkan dengan kos.
 - (ii) Perintah PKP bertarikh 25 November 2011 dipinda kepada jumlah RM75,566.
 - (iii) Plaintiff diperintahkan untuk memulangkan kepada defendant pertama wang berjumlah RM365,637.82 dengan faedah pada kadar 5% dari tarikh pembayarannya sehingga tarikh penyelesaiannya. Namun, pemulangan jumlah RM365,637.82 tersebut kepada defendant pertama selepas penyelesaian rayuan terhadap keputusan Hakim Mariana Yahya (dalam kes WA-17D-6-03-2019) di Mahkamah Rayuan. Sementara itu, wang sebanyak RM398,000 kekal dalam akaun pemegang taruh (stakeholder's account). Jumlah yang perlu dipulangkan hendaklah mengambil kira mana-mana wang yang telah didepositkan.
- H
- I

- (iv) Kos sebanyak RM3,500 hendaklah dibayar kepada defendant pertama oleh plaintiff bagi kandungan 57 (permohonan memasukkan keterangan baharu) tertakluk kepada alokatur.
- (v) Kos bagi rayuan ini sebanyak RM10,000 dibayar oleh plaintiff kepada defendant pertama juga tertakluk kepada alokatur.

A

B

C

D

E

F

G

H

I